



KENYATAAN MEDIA
OLEH MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
BERHUBUNG MESYUARAT PERINGKAT TERTINGGI PERTUBUHAN
BANGSA-BANGSA BERSATU BERKENAAN USAHA MEMERANGI
TUBERKULOSIS

NEW YORK, 26 Sept - Alhamdulillah, saya telah mewakili Malaysia di Mesyuarat Peringkat Tertinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berhubung Usaha Memerangi Tuberkulosis (TB), dengan menyatakan komitmen Malaysia untuk mengakhiri wabak TB menjelang tahun 2035.

Bebanan penyakit TB bagi Malaysia adalah masih signifikan, di mana pada tahun 2017 kadar notifikasi adalah 81 bagi setiap 100,000 penduduk dan kadar kematian pula sebanyak 6.5 bagi setiap 100,000 penduduk.

Malaysia mengiktiraf bahawa akses kesihatan sejagat kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti tinggi untuk diagnosis, rawatan dan penjagaan TB dapat memastikan semua jenis TB (termasuk jangkitan TB yang rintang terhadap rawatan antibiotik) boleh dihapuskan.

Sebagai negara berpendapatan menengah atas, Malaysia berpendapat bahawa kos bagi ujian molekular pesat dan rawatan anti-TB untuk jangkitan TB yang rintang terhadap rawatan antibiotik harus dikaji semula, agar lebih ramai pesakit boleh mendapat manfaat daripada ujian dan rawatan ini.

Untuk makluman, saringan sistematik kepada kumpulan berisiko tinggi bagi mendapat TB telah dilaksanakan sejak tahun 2015 lagi.

Malaysia juga mengiktiraf kerjasama di antara sektor awam dan swasta, selain sokongan sosio-ekonomi dan psikososial daripada komuniti adalah antara faktor penting bagi kejayaan rawatan TB, serta pengurangan stigma dan diskriminasi terhadap pesakit TB.

Dengan sokongan penuh dan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan serta kesedaran bahawa TB adalah salah satu punca kematian di seluruh dunia dan pembunuh tertinggi di kalangan semua penyakit berjangkit, Malaysia komited untuk terus melaksanakan, memantau dan menilai strategi yang dicadangkan dalam Rancangan Strategik Kebangsaan untuk Kawalan TB (2016-2020).

YB DR DZULKEFLY AHMAD

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

26 September 2018